

JANGAN GUGAT DEMOKRASI

MM 22 NOV 1981

PULAU PINANG 21 Nov. - Datuk Sri Dr. Mahathir berkata tindakan kumpulan minoriti menggunakan kumpulan pendesak untuk mengungkit dasar-dasar atau perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam sistem demokrasi adalah satu penentangan terhadap demokrasi itu sendiri.

Perdana Menteri berkata hakikat ini hendaklah sentiasa disedari oleh rakyat kerana di masa-masa lalu telah berkali-kali setengah-setengah pihak menjadikan diri mereka sebagai kumpulan pendesak atau menggunakan kumpulan pendesak untuk menggugat keadaan tenang dalam negara.

Katanya, tindak-tanduk untuk mengungkit dasar-dasar yang telah dipersetujui dengan menggunakan sentimen kumpulan pendesak oleh mana-mana pihak akan mendatangkan kesan buruk.

Beliau menegaskan semua dasar yang telah dirumuskan untuk negara telah digubal dengan tujuan mencapai matlamat kemakmuran, kesejahteraan dan perpaduan.

Beliau berucap merasmikan perhimpunan agung ke-10 Parti Gerakan di Dewan Sri Pinang di sini. Lebih 2,000 orang termasuk para pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional menghadiri majlis itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia apa yang diperlukan ialah usaha dan tindakan dan dikurangkan percakapan dan persengketaan.

Katanya di dalam suasana masyarakat berbilang kaum sesuatu isu boleh diputar belitkan oleh pihak-pihak tertentu untuk meningkatkan sentimen perkauman dengan tujuan mewujudkan barisan kumpulan pendesak terhadap isu tersebut.

Keadaan seperti ini, menurutnya, akan hanya melambat-lambatkan pencapaian matlamat perpaduan negara kerana isu-isu yang dibicarakan dengan sentimen perkauman atau kedaerahan akan hanya menimbulkan keraguan dalam fikiran rakyat.

Katanya jika keadaan ini seterusnya dikeruhkan lagi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab maka kekacauan boleh ditimbulkan.

Beliau berharap semua pihak akan menyedari bahawa keadaan seperti ini tidak akan mendatangkan faedah kepada mana-mana pihak baik pada masa sekarang atau bagi generasi akan datang.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan kewibawaan Barisan Nasional sangat bergantung kepada perpaduan parti-parti komponennya.

Beliau menyeru para anggota Barisan Nasional supaya sentiasa berusaha untuk mengukuhkan kewi-

bawaan parti kerana kelemahan Barisan Nasional boleh mendatangkan kemerosotan kepada kestabilan politik.

Ia juga boleh menimbulkan masalah kepada ekonomi negara yang selama ini kukuh dan dapat dijamin berkembang pada kadar yang tinggi.

"Oleh itu sebarang kemusykilan atau perselisihan di kalangan parti-parti komponen hendaklah diatasi melalui jentera yang wujud tanpa diheboh-hebohkan atau diperbesar-besarkan menerusi akhbar dan media massa," katanya.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau hairan masih ada setengah-setengah pihak, dengan cara langsung atau tidak langsung telah menunjukkan mereka kurang yakin ataupun kurang faham mengenainya.

Beliau menegaskan Dasar Ekonomi Baru telah digubal dengan mengambil kira kepentingan semua kaum, golongan dan kawasan serta kepentingan negara.

Katanya oleh itu tentulah tidak wajar, malah dalam suasana negara adalah merbahaya sekali jika perimbangan ekonomi tidak wujud di kalangan kaum dan usaha-usaha ke arahnyanya tidak dibuat.